

BSN labur RM130 juta, penjenamaan semula

INSTITUSI kewangan terkemuka negara, Bank Simpanan Nasional (BSN) melabur lebih RM130 juta bagi penjenamaan semula dari segi logo, warna dan cawangan bank itu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Adinan Maning berkata, selaras dengan itu pihaknya menambah baik 37 cawangan perniagaan dilengkapi dengan susun atur dalaman baharu demi keselesaan pelanggan.

“Selebihnya, naik taraf baki cawangan BSN akan dilakukan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

“Di seluruh negara, kami mempunyai 401 cawangan dan 6,000 lebih ejen bank BSN bagi membantu menyediakan kemudahan perbankan kepada masyarakat,” katanya pada majlis pelancaran Penjenamaan Semula BSN.

Selepas 40 tahun, beliau berharap penukaran warna BSN asal biru kepada teal melambangkan kepercayaan dan dipercayai masyarakat.

Katanya, moto jenama BSN adalah kehidupan lebih baik dalam capaian rakyat.

“Sasaran kami adalah menjadi platform menyeluruh bagi perkhidmatan dan infrastruktur kewangan pelanggan. BSN turut mengolah semula cara penyampaian jenama baharu berdasarkan perbankan bukan sahaja moden, luas malah, merangkumi struktur teknologi maklumat serta pasaran tersedia,” katanya.

Beliau juga menyasarkan lebih ramai ejen bank di kawasan pedalaman di seluruh negara agar membantu masyarakat tempatan untuk urusan perbankan.